

JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
 R/ JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
 AF 910/2 JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
 NGUKIN NEGERI SELANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
 ANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
 AJARAN NEGERI SELANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
 ANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
 ELAJARAN NEGERI SELANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
 ELANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
 PELAJARAN NEGERI SELANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
 SELANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
 NEPELAJARAN NEGERI SELANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
 RIS LANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
 ANPELAJARAN NEGERI SELANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
 ERIS LANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR  
 TANPELAJARAN NEGERI SELANGOR JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR

SEKTOR PENGURUSAN AKADEMIK  
**JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR**



PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**  
 (MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

**Arahan kepada calon:**

*Jawab satu soalan daripada Bahagian A, soalan dalam Bahagian B, satu soalan daripada Bahagian C, dan soalan dalam Bahagian D.*

*Gunakan lembaran kertas yang berasingan untuk tiap-tiap jawapan.*

*Markah bagi tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].*

Kertas soalan ini terdiri daripada 7 halaman bercetak.

<http://edu.joshuatly.com/>  
<http://www.joshuatly.com/>

STPM 910/2

\*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

@Hak cipta Jabatan Pelajaran Negeri Selangor

[Lihat sebelah  
 SULIT\*]

**Bahagian A**

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 650 hingga 700 patah perkataan dengan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini. [50]

1. Kes keganasan rumah tangga sering berlaku dalam kalangan masyarakat di negara kita. Ada pendapat yang mengatakan bahawa kes seperti ini berlaku disebabkan oleh tekanan hidup yang dihadapi oleh individu terabit. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
2. Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (*Cuapasa*) telah meluahkan kebimbangan berikutan penguasaan wanita dalam perkhidmatan awam yang semakin meningkat sekarang. Anda sebagai pegawai di Kementerian Sumber Manusia telah diminta untuk membuat laporan berkaitan faktor dan kesan penguasaan penjawat awam wanita dalam perkhidmatan. Sediakan laporan anda.
3. Barangan tiruan mudah didapati di mana-mana premis perniagaan di negara kita. Hal ini membimbangkan para peniaga yang menjual barangan asli dan bermutu.

Sebagai pengurus pertubuhan perniagaan, anda amat prihatin akan masalah para peniaga berkenaan dan telah mengambil keputusan untuk menghantar satu memorandum kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dalam memorandum itu, anda diminta membincangkan kesulitan yang dihadapi oleh para peniaga dan mengesyorkan beberapa langkah untuk menangani isu tersebut. Sediakan memorandum tersebut selengkapnya.

4. Bilangan penuntut warga asing di institusi pengajian tinggi di negara kita telah bertambah dari hari ke hari. Bincangkan faktor pertambahan bilangan penuntut warga asing di institusi pengajian tinggi tempatan dan kesannya.

**Bahagian B**

5. Fahami petikan di bawah ini dan kemudian rumuskan petikan ini dengan padat dan ringkas tanpa menjejaskan isi kandungannya. Rumusan hendaklah dibuat dengan menggunakan tidak lebih daripada tiga perenggan dan panjangnya antara 170 hingga 180 patah perkataan. Jumlah perkataan dalam jawapan anda hendaklah ditulis pada akhir jawapan. [ 20 ]

Pembangunan sumber manusia yang dikenali juga sebagai modal insan merupakan antara agenda yang terus diberikan penekanan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9). Pelaburan modal insan ini diberikan peruntukan yang lebih besar pada sepanjang tempoh RMK9 dan Belanjawan 2010 dengan tujuan untuk meningkatkan daya tahan dan pertumbuhan ekonomi serta membentuk masyarakat yang memiliki sistem nilai yang boleh diteladani. Kerajaan akan memastikan bahawa pembangunan modal insan yang dilaksanakan secara komprehensif akan meliputi usaha untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan, membentuk insan berintelekt, penyelidikan sains dan teknologi, menggilap keupayaan keusahawanan, di samping memupuk nilai-nilai positif serta progresif. Bagi mencapai matlamat yang dihasratkan itu, penambahbaikan secara komprehensif dalam sistem penyampaian pendidikan, latihan, dan pembelajaran sepanjang hayat akan diteruskan oleh pihak kerajaan.

Kemampuan Malaysia melepasi tahap penting dalam Indeks Pembangunan Insan (HDI) hingga dikategorikan sebagai negara pembangunan insan yang tinggi amat membanggakan kita. Hal ini mencerminkan dedikasi kerajaan yang berterusan dalam membangunkan perkhidmatan penjagaan kesihatan, dan bersedia untuk membekalkan kemudahan, di samping komited terhadap pendidikan, latihan, serta pembangunan modal insan. Pencapaian tersebut meletakkan Malaysia di kedudukan ke-61 dalam kalangan 177 buah negara yang dikaji, iaitu sebaris dengan negara maju dari aspek pembangunan modal insan. Pelaburan dalam modal intelektual insan akan diberikan penekanan yang lebih besar bagi meningkatkan daya tahan dan pertumbuhan ekonomi, memajukan ekonomi berasaskan pengetahuan serta membentuk masyarakat dengan sistem nilai yang boleh diteladani. Matlamat ini akan dicapai melalui peningkatan kerjasama antara pihak kerajaan dengan sektor swasta dan masyarakat.

Selaras dengan peralihan dasar ekonomi negara, isatu daripada pengeluaran kepada aktiviti berintensifkan pengetahuan, teknologi dan nilai yang lebih tinggi, hala tuju sistem pendidikan negara perlu lebih tinggi serta memerlukan tumpuan dan perhatian terhadap penggabungan tenaga manusia. Bagi menghasilkan sumber insan yang dinamik, proses pengisian minda dengan ilmu pengetahuan amat diperlukan oleh rakyat. Sumber manusia yang berilmu akan menjadi rebutan organisasi dan syarikat. Merekalah aset yang berharga. Insan yang berilmu juga tahu untuk memobilisasikan sumber pengeluaran yang terhad untuk dimaksimumkan dalam bentuk perkhidmatan dengan melibatkan mobilisasi dalam bentuk yang terkawal. Modal insan yang berpengetahuan dan menggunakan bahan daripada sumber alam misalnya, tidak melakukan kerosakan yang boleh memberikan kesan terhadap alam sekitar, manusia lain, dan sebagainya. Oleh sebab itu, aspek keilmuan dan pendidikan sentiasa mendapat perhatian utama daripada pihak kerajaan.

Sumber manusia ialah aset terpenting kepada organisasi dan negara. Jstuh bangun sesebuah bangsa dan negara bergantung sepenuhnya pada kualiti yang ada pada sumber manusia. Oleh hal yang demikian, agenda pembangunan sumber manusia perlu diutamakan dalam proses pembangunan sesebuah negara kerana elemen ini menjadi pemangkin yang bakal mencorakkan tahap kemajuan dan kemunduran bangsa itu. Sumber manusia perlu digerakkan secara produktif dan proses pendidikan menjadi titik tolak terhadap usaha berkenaan. Kita perlu ingat bahawa proses pendidikan ialah proses yang berterusan dan perlu dilakukan secara komprehensif.

(Diubahsuai daripada *Dewan Ekonomi*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka, Februari 2010)

## Bahagian C

6. *Alih bentuk bahasa petikan yang berikut kepada bentuk prosa biasa dengan memindahkan bentuk dialog kepada bentuk cakap pindah.* [15]

“Assalamualaikum.”

“~~Wasalamualaikum~~. Bila kau sampai, Rusdi?” tanya ~~Suhaimi~~. Sambil melangkah ke hadapan lalu memeluk ~~Rusdi~~. Mereka tertawa dan terlalu gembira.

“Apa khabar, ~~Suhaimi~~?”

“Alhamdulillah sihat. Eh, soalan aku kau tak jawab lagi !” kata ~~Suhaimi~~.

“Minggu lalu, hari Sabtu,” jawab ~~Rusdi~~.

“Kau macam mana? Sihat?” tanya ~~Suhaimi~~.

“Alhamdulillah sihat,” jawab ~~Rusdi~~ lagi. “Jom, kita minum.”

“Okey.” ~~Suhaimi~~ mengangguk.

“Kau ni dari dulu tak surut-surut juga badan tu ya,” usik ~~Rusdi~~.

“Hai, beginilah aku, ~~Rusdi~~. Joging pun tak turun.” ~~Suhaimi~~ ketawa.

“Eh, aku sjak kau minum tak ganggu kerja kau ke?” ~~Rusdi~~ bertanya lagi.

“Alah, nanti aku sambung kerja aku. Lagipun bukan senang nak jumpa orang KL ni.” ~~Suhaimi~~ berseloroh.

Mereka pun melangkah keluar dari pejabat menuju ke kantin hospital

(Diubahsuai daripada *Novel Rangkaian Ramlee Awang Mursid 2004*, Alaf 21 Sendirian Berhad, Shah Alam, Selangor, halaman 17)

## 7. Alih bentuk bahasa puisi klasik yang berikut kepada bentuk prosa biasa.

[15]

Ada kepada suatu nan hari,  
duduk di balai paras yang bahari,  
hati Rukiah terlalu peri,  
teringat perbuatannya saudara sendiri.

Kepada Zuhaidah ia berkata,  
"Wahai kakanda muda yang pokta,  
mahukah kakanda menolong beta,  
pekerjaan besar kepada cita.

"Jikalau sampai bagi rencana,  
dapat membunuh raja teruna,  
adinda menjadi hamba yang hina,  
perintah barang titah rencana.

Zuhaidah tersenyum manis berseri,  
"Jangan begitu adinda berperni,  
jikalau tolong Tuhan Yang Gahari,  
dapat melawan raja yang bahari.

Kata orang empunya madah,  
kedua puteri bermohon sudah,  
lalu memakai paras yang indah,  
seperti laki-laki pakaian berpindah.

Lalu berjalan dengannya segera,  
ke negeri Yungun muda perwira,  
langsung masuk ke dalam negara,  
mendapatkan maharaja putera.

(Dipetik dan diubahsuai daripada *Syair Siti Zuhaidah Perang China* yang disenggarakan oleh Abdul Mutalib Abdul Ghani, 1991, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, halaman 256)

## BAHAGIAN D

- 8 *Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembetulan.* [15]

Pihak *Amanah Raya Legacy Services* amat menghargai para pelanggan dan mengucapkan terima kasih di atas kepercayaan dan keyakinan pelanggan terhadap perkhidmatan ~~perkhidmatan~~ Amanah Raya. Pihak Amanah Raya sukacita menyatakan yang mereka bersedia untuk membantu para pelanggan meminda wasiat yang didaftar dan disimpan pada mereka. Kini merupakan masa terbaik untuk syarikat ini meminda wasiat para pelanggan demi untuk memastikan segala maklumat adalah terkini dan proses pentadbiran harta pusaka para pelanggan kelak dapat dijalankan dengan lebih lancar. Perancangan masa depan waris-waris pelanggan berada di tangan para pelanggan. Oleh itu, perlu memastikan butiran wasiat adalah lebih teratur. Di samping itu, jika terdapat sebarang perubahan terhadap alamat terkini para pelanggan, ~~sebarang~~ masa terbaik untuk para pelanggan memaklumkan kepada kami agar segala maklumat dapat disalurkan.

TAMAT

<http://edu.joshuatly.com/>  
<http://www.joshuatly.com/>